

07/03/2005

Usah cemar imej Langkawi

LANGKAWI: Kerajaan negeri mengingatkan imej pulau ini akan tercemar jika peniaga dan pengusaha hotel menaikkan harga makanan dan sewa bilik sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2005 (Lima '05), mulai 6 hingga 11 Disember ini.

Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Nawawi Ahmad, berkata tindakan itu akan memberi gambaran buruk seolah-olah penduduk tempatan mengambil kesempatan mengaut keuntungan menerusi pameran dwi-tahunan itu.

Katanya, tindakan itu juga tidak wajar dilakukan kerana Lima '05 adalah usaha kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara keseluruhannya, bukan bertujuan memberi keuntungan kepada orang tertentu saja.

"Penduduk mesti faham kenaikan harga (kadar sewa) hotel dan makanan yang melampau bukan cara berniaga yang betul, tambahan pula kita berusaha keras untuk menarik pelancong datang berulang kali.

"Kalau kita hendak orang datang (ke Langkawi) berkali-kali, kita (perlu) kenakan bayaran yang sederhana dan biasa saja," katanya ketika ditemui selepas mengiringi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyambut kepulangan 27 sukarelawan dari Aceh di jeti Kuah, di sini, kelmarin.

Kumpulan sukarelawan itu berada di Aceh sejak Khamis lalu untuk mengagihkan bantuan makanan, pakaian dan ubat-ubatan menggunakan feri Fortune Exspress 2 milik JMV Ferry Services Sdn Bhd yang disewa khas oleh Dr Mahathir.

Nawawi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengawalan Harga Barang Langkawi bagaimanapun berkata, pihaknya tidak bercadang memaksa pengusaha hotel memberi potongan harga kepada pelanggan sepanjang tempoh Lima '05.

"Cuma kita ingatkan kepada semua peniaga, mereka boleh naikkan kadar sewa secara berpatutan, tetapi untuk menaikkan harga melampau sepanjang berlangsung acara itu bukanlah cara perniagaan yang sihat," katanya.

(END) Source : Berita Harian